



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM MOBILITY
(INBOUND) PELAJAR PRINCESS OF NARADHIWAS UNIVERSITI KE
KUIN**

PADA : 20 DISEMBER 2017 - 03 JANUARI 2018

TALKING NOTES
REKTOR
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM MOBILITI (INBOUND) PELAJAR
PRINCESS OF NARADHIWAS UNIVERSITI KE KUIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Mengalu-alukan kedatangan:

- **Prof. Madya Chelah Kheepong**
Pengarah Akademi Pengajian Islam, Princess Of Naradhiwas
Universiti, Thailand
- **Dr Abdul Rashid Abdullah**
Pensyarah Akademi Pengajian Islam, Princess Of
Naradhiwas Universiti, Thailand
- **Wakil/Kakitangan Princess Of Naradhiwas Universiti,**
Thailand

2. Saya dimaklumkan, Program Mobiliti (INBOUND) ini telah diadakan di KUIN bersama PNU bermula pada 20 Disember 2017 sehingga 3 Januari 2018.

Saya dimaklumkan juga, seramai 12 orang pelajar bersama 3 orang pensyarah dari PNU telah terlibat dalam program ini.

3. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas kejayaan kedua-dua pihak iaitu KUIN dan PNU dalam menjayakan program ini.

4. Program mobiliti pelajar yang giat dijalankan terutamanya di peringkat pengajian tinggi membantu negara memperluaskan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan pengalaman pelajar tempatan atau luar negara.

Keadaan ini secara tidak langsung membenarkan pelajar menerokai bidang ilmu atau sistem pendidikan baharu yang boleh dikongsikan untuk kepentingan dan kelebihan negara masing-masing dalam aspek yang tertentu.

5. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, bagi pihak KUIN saya mengharapkan kerjasama yang terjalin di antara KUIN dan PNU ini akan terus kukuh pada masa-masa akan datang.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

[TAMAT]